

15/12/1999

Mencemerlangkan pendidikan negara

RAMAI tidak menjangka Tan Sri Musa Mohamad, seorang ahli akademik, dilantik sebagai Menteri Pendidikan. Selepas dilantik menjadi senator dan mengangkat sumpah jawatan, ramai tertanya-tanya dan menanti apakah langkah yang akan diambil Musa untuk mencemerlangkan pendidikan negara. Tanpa menidakkan pencapaian besar Menteri Pendidikan sebelum ini, kita berharap pendidikan negara menempa kejayaan lebih besar berikutan pelantikan Musa. Perbezaan dalam pelaksanaan dan pendekatan tugas mungkin wujud kerana Musa adalah ahli pendidikan tulen berbanding ahli politik yang memegang jawatan itu sebelum ini.

Janji Musa, Kementerian Pendidikan akan melakukan kajian untuk mencari masalah akar umbi bidang pendidikan pastinya mendatangkan sinar baru dalam meningkatkan mutu bidang itu. Sesungguhnya, dengan mengetahui masalah akar umbi, penyelesaian dan strategi baru yang bakal diperkenal dapat dibuat dengan lebih jitu. Begitu juga dengan masalah pelajar antikerajaan. Pendekatan Musa untuk mencari akar umbi kepada persoalan itu mungkin boleh membantu. Apa yang pasti, daripada sikap Menteri Pendidikan baru itu, menampakkan beliau tidak terburu-buru menyelesaikan masalah. Pendekatan itu mungkin secara tidak langsung membantu menangani masalah sikap pelajar.

Dalam merangka strategi pelaksanaan tugasnya, di samping memperkenalkan program baru, Musa dijangka mengekalkan beberapa langkah yang dilaksanakan Datuk Seri Mohamad Najib Tun Razak yang pernah melahirkan hasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu bertaraf dunia. Hasrat itu perlu dilaksanakan dengan lebih bersemangat.

Satu persoalan yang dilihat memerlukan pelaksanaan segera ialah Sekolah Bestari. Pelbagai pihak pastinya mahu melihat projek itu tidak tergendala seperti sebelum ini, malah janji Najib sebelum ini kementerian memperbanyakkan komputer ke sekolah seluruh negara mulai tahun depan, seharusnya ditunaikan kementerian. Ini kerana tanpa komputer yang menjadi asas kepada pelaksanaan Sekolah Bestari, sudah pasti sukar mewujudkan pelajar celik komputer.

Mengikut perancangan asal, menjelang tahun 2005 semua 1,417 sekolah menengah harian dijangka mempunyai sekurang-kurangnya 10 komputer di setiap sekolah untuk memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran literasi komputer kepada pelajar tingkatan satu. Pembekalan komputer itu juga dijangka meliputi semua 9,000 sekolah termasuk sekolah rendah. Secara amnya tugas Musa dan jenteranya selepas ini adalah memastikan perancangan itu tidak tergendala.

Usaha memfrancaiskan program institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kepada kolej swasta tidak kurang mendatangkan rungutan orang ramai, terutama yang meragui mutu pendidikan disediakan kolej berkenaan. Adalah wajar ditinjau kembali keadaan itu kerana jika dibiarkan berterusan, masalah berkenaan boleh menimbulkan krisis keyakinan masyarakat terhadap mutu pendidikan IPTA.

Apa yang jelas tanpa kerjasama erat universiti berkenaan dan juga kementerian dalam memantau pelaksanaan program itu, mustahil objektif asal untuk melahirkan pelajar berkualiti dapat dicapai. Usaha itu penting bagi memastikan pencapaian pelajar yang mengikuti program francais setara dengan pelajar di IPTA.

Musa juga diharapkan mampu mengatasi masalah kemerosotan pencapaian pelajar Melayu di IPTA seperti yang disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad tidak lama dulu. Ini boleh dicapai kerana sebagai seorang yang berlatarbelakangkan akademik dan pernah menjawat jawatan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) selama 13 tahun, Musa pasti lebih memahami masalah pencapaian pelajar, terutama di pusat pengajian tinggi.

Masalah kesesakan di IPTA seperti dilaporkan baru-baru ini juga menuntut perhatian khusus Menteri baru itu. Persoalannya, tidak bermakna bagi sesebuah universiti itu meningkatkan pengambilan pelajar sehingga 20,000 sedangkan kemudahan infrastruktur tidak mencukupi. Lebih malang lagi jika IPTA membelakangkan mutu pendidikan yang diberikan kepada pelajar semata-mata mahu memberi peluang kepada seberapa ramai pelajar ke universiti. Satu bentuk pengawalan perlu dilakukan bagi memastikan universiti terus unggul sebagai pusat melahirkan graduan dan tenaga kerja yang berkualiti.

(END)